

SIARAN MEDIA

INDUSTRI AYAM DAN TELUR: SIASATAN MASIH BERJALAN

KUALA LUMPUR, 8 APRIL 2022 – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) memandang serius kenyataan yang dilaporkan dalam media baru-baru ini mengenai dakwaan kartel dalam industri ayam. Sepertimana yang diumumkan dalam Siaran Media MyCC bertarikh 1 Februari 2022, MyCC telah menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat secara menyeluruh isu berkaitan persaingan dalam industri ayam dan telur ayam berikutan arahan yang diberikan oleh Majlis Tindakan Kebangsaan Mengenai Kos Sara Hidup (NACCOL) (<https://www.mycc.gov.my/bm/kenyataan-media/pasukan-khas-mycc-siasat-industri-ayam-dan-telur>).

Berikutan penubuhan pasukan khas tersebut, MyCC telah menggunakan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Persaingan 2010 untuk tujuan penyiasatan lanjut. Melalui Siaran Akhbar MyCC bertarikh 9 Mac 2022, MyCC mengumumkan bahawa penyiasatan MyCC dalam isu ini sedang berjalan lancar termasuk menjalankan aktiviti serbuan dan pengambilan kenyataan perusahaan-perusahaan berkaitan. (<https://www.mycc.gov.my/bm/kenyataan-media/perkembangan-siasatan-mycc-terhadap-industri-ayam-dan-telur>).

Di samping itu, pihak-pihak tertentu juga telah menampilkan diri dan menyatakan kesediaan mereka untuk bekerjasama dengan MyCC dalam siasatan melalui permohonan untuk kelonggaran di bawah seksyen 41 Akta Persaingan 2010. Rejim kelonggaran ini membolehkan mana-mana pihak yang terlibat dalam kartel bekerjasama dengan MyCC dalam penyiasatan untuk tujuan mendapatkan kelonggaran dalam keputusan MyCC.

Industri ayam merupakan salah satu segmen terbesar dalam sektor pertanian di Malaysia yang melibatkan rantai bekalan yang luas dan pelbagai subsektor seperti pembuatan makanan ayam, pembekalan anak ayam, penternakan ayam, pengedaran ayam hidup dan sebagainya. Proses penyiasatan terhadap industri ini kompleks dan akan mengambil masa di mana bukti serta dokumen yang diperolehi oleh MyCC melalui penyiasatan memerlukan penilaian yang teliti. Justeru, MyCC mengalu-alukan

**UNTUK SIARAN SEGERA
MEJA BERITA/EKONOMI**



kerjasama dan sokongan pihak berkepentingan yang relevan serta orang awam dalam menangani isu tersebut.

-tamat-

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Emel : cad@mycc.gov.my



@themycc
www.mycc.gov.my



Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-10 pada 1 April 2021 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkukuhkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang www.mycc.gov.my.